

24 SEP 1996
Sirim - SPMS
SIRIM LANCAR VERSI 3.1 SPMS

SHAH ALAM, 24 Sept (Bernama) -- Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) Berhad hari ini melancarkan perisian terbaru versi 3.1 sistem kad perakam waktu berkomputer, Sistem Pengurusan Masa Sendiri (SPMS), yang dihasilkannya pada 1991.

SPMS merupakan sistem perakam waktu bersambung terus ke komputer yang merekodkan waktu itu setiap kali pas kerja diketip dan akan mengeluarkan rekod bulanan setiap petugas yang menggunakannya.

Presiden Sirim Berhad Dr Mohamed Ariffin Haji Aton melancarkannya di ibu pejabat Sirim di sini.

SPMS yang direkabentuk oleh Sirim atas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu Sirim membangunkan teknologi "kad pintas", mula digunakan untuk sistem perakam waktu kakitangan Sirim pada April 1991.

Sejak itu, beberapa perubahan dan peningkatan telah dibuat oleh penyelidik Sirim termasuk ke atas perisian dan perkakasannya sehinggalah versi 3.1 itu yang mengemaskinikan pembaca kadnya.

SPMS kini digunakan oleh agensi kerajaan termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Perdana Menteri, Institut Teknologi Mara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Resort World dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

SPMS yang menerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada 1992 dijangka diperluaskan penggunaannya ke semua jabatan dan agensi kerajaan tidak lama lagi.

-- Bernama
MNY NAK